

**SEKRETARIAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK**

**WABAK RABIES NEGERI SARAWAK
29 DISEMBER 2017**

1. Program pemvaksinan dan surveilan haiwan kesayangan.

- 1.1 Secara kumulatif, sebanyak **42,227 haiwan kesayangan** yang terdiri daripada **34,205 ekor anjing, 7,977 ekor kucing** dan **45 lain-lain haiwan** (19 monyet, 18 arnab, 2 musang, 2 tupai, 2 kelawar, 1 binturong dan 1 kongkang) telah divaksinasi anti-Rabies.
- 1.2 Sebanyak **47,375 surveilan aktif** dan **2,189 surveilan pasif** untuk mengawal penularan wabak Rabies telah dilakukan di Bahagian Kuching, Sri Aman, Sarikei, Samarahan, Betong dan Serian.

2. Keputusan persampelan wabak Rabies.

- 2.1 Semalam (Khamis) 28 Disember 2017, 4 lagi keputusan sampel anjing diterima dari VRI, Ipoh dan 2 daripada kes tersebut adalah positif virus Rabies melalui ujian FAT dan PCR. Kes positif adalah dari kawasan berikut dan ianya masih dalam kawasan yang telah di isytihar kawasan wabak:-
 - 2.1.1 Sampel anjing liar dari Kawasan Taman Jutaria, Jalan Matang, Kuching.
 - 2.1.2 Sampel anjing liar dari Blok A, Taman Dahlia, Matang, Kuching.Manakala 2 kes negatif adalah dari kawasan berikut:-
 - 2.1.3 Sampel anjing dari No. 251, Batu 14, Jalan Kuching/Serian.
 - 2.1.4 Sampel kelawar dari Kpg. Batu Bedang, Jalan Mongkos, Serian.
- 2.2 Sebanyak **306 sampel** yang terdiri daripada **279 anjing, 25 kucing dan 2 kelawar** telah dihantar ke VRI, Ipoh untuk ujian virus Rabies. Setakat ini **295** keputusan sampel yang terdiri daripada **268 anjing, 25 kucing dan 2 kelawar** telah diterima dan daripada keputusan tersebut, kira-kira **21.4%** yang terdiri daripada **57 sampel anjing** dan **6 kucing** telah disahkan positif virus Rabies melalui ujian FAT & PCR atau PCR sahaja.

3. Pengawalan populasi anjing terbiar.

Operasi bersepadu Kementerian Kerajaan Tempatan dan JPVS bagi mengekang penularan wabak Rabies telah menangkap sebanyak **2,999 ekor anjing** dari Bahagian Kuching, Sri Aman, Sarikei, Samarahan, Betong dan Serian.

4. Kempen kesedaran wabak Rabies.

Sebanyak **544 kempen kesedaran** telah diadakan di sekolah-sekolah, kampung dan tempat-tempat awam terutama dikawasan yang dijangkiti wabak tersebut yang dihadiri oleh kira-kira **37,008 orang peserta**. JPVS sentiasa mengingatkan semua pihak supaya mengelak haiwan kesayangan samada telah divaksin atau belum dari bercampur dengan haiwan terbiar dan memerhati perubahan sikap haiwan tersebut daripada jinak kepada ganas, menggigit sebarang benda bergerak, hidrofobia terhadap air dan cahaya, menyendiri dengan air liur berlebihan dan kelihatan gelisah. Haiwan yang menunjukkan tanda-tanda tersebut hendaklah dilaporkan kepada JPVS ditalian 082612949 atau 082611607 dengan segera.

5. Kewajipan mengurung dan larangan membawa keluar anjing dari kawasan wabak Rabies.

JPVS juga ingin mengingatkan bahawa dibawah Seksyen 37(2) & (3) Ordinan Kesihatan Awam 1999, adalah menjadi kesalahan untuk membiarkan anjing lepas bebas dan membawa keluar anjing tanpa kebenaran bertulis daripada *State Veterinary Authority* dari kawasan wabak Rabies. Denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Laporan disediakan oleh Bilik Gerakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak